

TUBE@IPT memperkasa agenda keusahawanan IPT dan mengatasi masalah pengangguran

Tanggal 23 Januari 2020 merupakan hari bersejarah Malaysia di mana kita menyaksikan laporan pertama penularan wabak kes Covid-19 iaitu sebanyak 3 kes. Bermula dari itu jangkitan wabak Covid-19 di Malaysia semakin menular sehingga artikel ini ditulis jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia telah melebihi 2 juta kes dan telah mengorbankan seramai lebih dari 24,000 nyawa.

Sebagai salah satu langkah untuk memutuskan rangkaian jangkitan Covid-19, Perintah Kawalan Pergerakan, PKP telah dilaksanakan di seluruh Malaysia. Namun, pelaksanaan PKP yang berterusan telah memberikan kesan sampingan terhadap aktiviti-aktiviti ekonomi di Malaysia. Dilaporkan rata-rata para peniaga terutamanya perusahaan kecil dan sederhana, PKS mengecilkan operasi, memberhentikan pekerja malah ada yang tidak dapat bertahan dan terpaksa menutup perniagaan lantaran tidak dapat beroperasi seperti biasa.

Tempias ini juga telah sampai kepada para pelajar IPT. Graduan-graduan yang dilahirkan pada era pandemik ini ramai terpaksa menganggur. Menurut kajian pengesanan graduan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dilaporkan seramai 25 peratus graduan pada tahun 2020 tidak mendapat apa-apa tawaran pekerjaan walaupun setelah enam bulan tamat pengajian. Manakala 13.8 peratus daripada graduan tahun 2019 pula masih menganggur. Lambakan graduan yang tidak mendapat tempat untuk memulakan pekerjaan berpunca daripada penawaran pekerjaan dari majikan-majikan di seluruh Malaysia turun dengan mendadak.

Rata-rata para majikan tidak mempunyai kapasiti untuk menawarkan peluang pekerjaan baru kepada graduan-graduan.

Bencana pandemik ini telah mempercepatkan lagi proses peralihan ke zaman Industri Revolusi 4.0. Revolusi yang di mana masyarakat dunia semakin dekat dengan teknologi-teknologi canggih yang mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan cloud yang bakal merencanakan kemajuan landscape dunia moden. Peralihan kepada Industri



Pelancaran buku *Inspirasi Usahawan Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP)*.

4.0 ini memperlihatkan penggunaan teknologi-teknologi baru yang melahirkan peluang perniagaan dan peluang pekerjaan baru. Kaedah perniagaan secara konvensional dan pekerjaan konvensional sudah menjadi semakin tidak relevan pada masa hadapan. Graduan serta bakal graduan perlu cepat beradaptasi dengan revolusi ini supaya tidak ketinggalan di dalam merebut peluang perniagaan dan pekerjaan yang bakal muncul di hadapan mereka.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang merangkumi 10 lonjakan itu adalah rangka kerja sangat baik bukan sahaja untuk masa depan tetapi hari ini.

Pelan ini merupakan langkah paling inovatif untuk menentukan bagaimana negara akan menjadi pemain signifikan dalam ekonomi global pada masa hadapan. Antara lonjakan tersebut adalah agenda untuk melahirkan graduan yang holistik dan berciri keusahawanan. Inisiatif utama termasuklah dengan mewujudkan peluang kepada pelajar untuk menguasai

kemahiran keusahawanan, mewujudkan inkubator perniagaan serta dasar laluan istimewa kepada perniagaan yang dipelopori pelajar.

Selain itu, sejajar dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang menjadi agenda utama negara, Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT) 2021-2025 yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merupakan salah satu daripada langkah strategik untuk memartabatkan keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT serta melahirkan lebih ramai usahawan siswazah yang akan menjadi pemain utama di dalam merealisasikan DKN 2030.

Selaras dengan penekanan kepada agenda pembangunan keusahawanan yang dihasratkan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Pelan Strategik UMP 2021 - 2025 telah menjadikan agenda keusahawanan pelajar ini sebagai satu daripada agenda utama universiti yang diletakkan di bawah Teras 6C (Keusahawanan Graduan) dan dipertanggungjawabkan secara langsung di bawah Pusat Keusahawanan UMP (PKUS).

Melalui teras ini, PKUS akan memainkan peranan di dalam merangka serta membangunkan garis panduan dan polisi untuk mewujudkan satu ekosistem keusahawanan yang holistik di UMP terutamanya dalam membantu dan membangunkan syarikat perniagaan para usahawan pelajar. Ekosistem yang berfungsi untuk menyediakan sistem pendidikan dan latihan keusahawanan komprehensif untuk memupuk pemikiran keusahawanan dan menghasilkan usahawan siswazah berpengetahuan dan berkemahiran tinggi yang lestari dan berdaya saing.

KPT dengan kerjasama SME Corp Sdn Bhd baru-baru ini buat julung kalinya telah

melancarkan satu program bimbingan keusahawanan yang inklusif terus di IPT iaitu TUBE@IPT.

Program rintis itu merupakan satu daripada inisiatif keusahawanan terkini yang diusahakan oleh pihak kementerian bagi tujuan membantu IPT-IPT di seluruh Malaysia untuk membangun dan memperkasa agenda keusahawanan di universiti masing-masing. Program TUBE yang telah masuk kali ke lapan, TUBE 8.0 ini telah terbukti sangat berkesan dalam membimbing usahawan-usahawan di mana ia telah melahirkan ramai usahawan-usahawan yang berkualiti dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

UMP amat menyambut baik inisiatif yang dijalankan oleh KPT untuk mengadakan program TUBE ini di peringkat universiti. Sesungguhnya pihak UMP berpandangan langkah ini merupakan satu langkah yang terkehadapan di dalam memberikan sokongan kepada universiti tempatan di dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan siswazah yang berdaya saing dan bertindak sebagai *Job Creator* yang menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada bakal-bakal graduan.

Kami yakin dan percaya bahawa dengan penglibatan SME Corp melalui program TUBE@IPT, pengalaman dan jaringan rangkaian perniagaan yang dimiliki mereka, bimbingan keusahawanan yang sediakan, pasti akan melahirkan ramai usahawan pelajar yang mampu mendirikan syarikat yang berimpak tinggi dan berinovasi serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa ke arah memacukan Malaysia menjadi negara keusahawanan terunggul.

DR. MOHD NIZAR MHD RAZALI
Pegawai Pusat Keusahawanan
Universiti Malaysia Pahang



Majlis perasmian TUBE@IPT yang diadakan baru-baru ini.